



TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN VIDEO & FOTO KREATIF PENANG SMART PARKING 2020

A. MAKLUMAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan Video & Foto Kreatif Penang Smart Parking 2020 merupakan anjuran Penang Smart Parking. Tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk:
 - i. Memberikan pendedahan kepada pengguna-pengguna jalan raya tentang kemudahan menggunakan aplikasi Penang Smart Parking bagi tujuan carian tempat letak kereta, membayar tempat letak kereta, membayar kompaun tempat letak kereta dan membeli pas bulanan.
 - ii. Memberikan pendedahan impak positif serta kebaikan menggunakan aplikasi Penang Smart Parking bagi tujuan penjarakan fizikal seperti yang disaran oleh pihak kerajaan.
 - iii. Memberikan pendedahan kepada masyarakat Malaysia secara amnya dan masyarakat Pulau Pinang secara khususnya berkenaan faedah-faedah menggunakan aplikasi PSP.
2. Tarikh tutup penghantaran penyertaan: 29 Ogos 2020.
3. Tarikh keputusan penyertaan yang di senarai pendek: 5 September 2020.
4. Tarikh undian untuk peminat 'Suka'/'Like' video atau foto yang disenari pendek: 6-13 September 2020.

B. TERMA & SYARAT PERTANDINGAN

1. Penyertaan adalah **percuma**.
2. Penyertaan adalah terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas dan berdaftar di aplikasi Penang Smart Parking.
3. Hasil karya mestilah asli dan video atau foto adalah pertama kali dipertandingkan.
4. Genre (jenis karya) terbuka kepada animasi, drama, sketsa, persembahan atau dokumentari.

5. TIDAK DIBENARKAN menyentuh sensitiviti kaum, agama serta politik dalam pembikinan video/foto.
6. Penyertaan pertandingan adalah terbuka dan tidak terhad pada satu penyertaan sahaja.
7. Sekretariat pertandingan akan mengumumkan secara rasmi melalui emel dan susulan telefon kepada pemenang untuk makluman tarikh majlis penyampaian hadiah secara rasmi.

C. PENDAFTARAN DAN PENGHANTARAN VIDEO/FOTO

1. Peserta hendaklah mengisi maklumat penyertaan dalam google forms/QR Code yang disediakan pautan:

<https://forms.gle/onLGkezJdwGFcq8m9>

atau scan QR code berikut:



2. Salinan Kad Pengenalan perlu di sertakan.
3. Peserta perlu menghantar video ke email penang.smart.parking@gmail.com
4. Fail video/foto hendaklah dinamakan seperti berikut:

No IC_Nama_video/foto.format	contoh: 771111-14-5311_MohdAli_video.mpeg
------------------------------	---

D. KONSEP/SPESIFIKASI VIDEO/FOTO

1. Video/foto bertemakan Penang Smart Parking **#barulahSmart** atau **#kesanakesinidenganPSP**.
2. Durasi video tidak melebihi 3 minit.
3. Hasil karya hendaklah sesuai untuk diterbitkan dan dipapar dalam segala bentuk media video. Format yang dibenarkan adalah dalam format MOV atau MP4.
4. Resolusi minima video yang dihantar adalah video Full HD – 1080p (1920 x1080 pixel resolution).
5. Resolusi foto adalah 2048x2048 pixel resolution, dalam format JPEG atau PNG.
6. Paparan video/foto hendaklah menampilkan logo Penang Smart Parking yang terdapat di sekitar Pulau Pinang atau Seberang Perai seperti di papan-papan tanda, papan-papan iklan, iklan di bas atau iklan di perhentian bas atau boleh di muat turun di Portal PSP di: <https://psp.penang.my/>

E. KRITERIA PENILAIAN

Keseluruhan video dan foto yang dihantar oleh peserta akan dinilai mengikut kriteria berikut:

1. Menepati tema;
2. Penyampaian isi kandungan/plot menepati terma dan syarat pertandingan;
3. Kreativiti/inovasi penyampaian;
4. Jumlah undian peminat 'Suka'/'Like'di Facebook Page Penang Smart Parking;
5. Sinematografi terbaik.

F. HADIAH

1. Video Pendek

Juara	1 Tahun Tempat Letak Kereta Percuma dan RM1200
Naib Juara	6 Bulan Tempat Letak Kereta Percuma dan RM1000
Tempat Ketiga	6 Bulan Tempat Letak Kereta Percuma dan RM700
Tempat Keempat & Kelima	1 Bulan Tempat Letak Kereta Percuma dan RM200

2. Foto

Juara	6 Bulan Tempat Letak Kereta Percuma dan RM500
Naib Juara	3 Bulan Tempat Letak Kereta Percuma dan RM400
Tempat Ketiga	3 Bulan Tempat Letak Kereta Percuma dan RM300
Tempat Keempat & Kelima	1 Bulan Tempat Letak Kereta Percuma

3. Tempat Letak Kereta Percuma adalah di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang atau Majlis Bandaraya Seberang Perai.
4. Tempat letak kereta percuma adalah bagi satu kenderaan yang di daftar di dalam aplikasi PSP dan bermula daripada bulan Oktober 2020.

G. TUNTUTAN HAK CIPTA

1. Kesemua penyertaan adalah menjadi hak milik penganjur Penang Smart Parking.
2. Pihak penganjur Penang Smart Parking berhak untuk menerbitkan, memapar, menyunting, mengedar dan menayangkan mana-mana hasil karya yang telah dipertandingkan untuk apa-apa tujuan penganjur.
3. Video yang telah dihantar akan dinilai terlebih dahulu oleh penganjur sebelum dibenarkan untuk ditular ke penonton umum.

Maklumat Lanjut sila layari Portal PSP di <https://psp.penang.my/>